

09/11/1998

Kempen berjaya kumpul 1.05 juta buku

KEMPEN Menderma Buku oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar di seluruh negara yang bermula dari 5 Ogos sehingga 31 Oktober lalu berjaya mengumpul 1.05 juta buku, melebihi sasaran sejuta naskhah yang ditetapkan.

Jurucakap Bahagian Kemajuan Masyarakat (Kemas) kementerian itu berkata sehingga kini pihaknya menerima buku sumbangan pelbagai pihak di pusat pengumpulan buku di ibu pejabat dan daerah serta stesen Petronas.

Bagaimanapun, katanya, jumlah itu tidak termasuk sumbangan orang ramai di pejabat pos di seluruh negara.

"Selain itu, masih ada syarikat percetakan dan penerbit yang sudah bersetuju menderma, tetapi belum menyerahkan buku kepada kementerian.

"Kementerian yakin sumbangan itu melebihi sasaran," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi, semalam.

Kempen Derma Buku dilancarkan 5 Ogos lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menambah koleksi bahan bacaan serta menyemarakkan budaya membaca di kalangan rakyat.

Bagaimanapun, kempen berkenaan yang sepatutnya berakhir 31 September lalu dilanjutkan sebulan lagi, sehingga 31 Oktober berikutan kurang sambutan masyarakat serta gagal mencapai sasaran 1 juta seperti ditetapkan.

Jurucakap itu berkata, daripada jumlah itu, Selangor mencatat jumlah kutipan tertinggi, iaitu 139,099 naskhah, diikuti Pulau Pinang (111,798); Perak (98,475); Wilayah Persekutuan (78,651) dan Negeri Sembilan (71,646).

Menurutnya, majlis penutup kempen itu akan dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dengan menyerahkan buku itu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di Kuala Lumpur, esok.

Katanya, Kemas menetapkan semua bahan bacaan itu diagihkan di 1,001 pusat bacaan di seluruh negara.

"Petronas dan pejabat pos pula mempunyai program tersendiri bagi menyerahkan bahan bacaan itu di tempat yang bersesuaian seperti di rumah kebajikan," katanya.

Jurucakap itu berkata, pihaknya akan mengadakan majlis penyerahan buku kepada kira-kira 166 ahli Dewan Rakyat di seluruh negara, di bangunan Parlimen, 16 November ini.

Menurutnya, semua ahli itu akan mengagihkan buku itu daerah masing-masing mengikut senarai tempat yang ditetapkan seperti surau, masjid dan dewan orang ramai.

Katanya, ibu pejabat Kemas banyak menerima sumbangan buku penerbit dan syarikat percetakan yang dilakukan secara pukal selain daripada individu.

Bagaimanapun, katanya, ada antara penderma yang menyumbangkan bahan bacaan kurang sesuai termasuk majalah hiburan dan buku teks yang tidak digunakan lagi.

Menurut beliau, pihaknya hanya menagihkan buku berbentuk ilmiah di pusat bacaan terbabit untuk manfaat masyarakat di kawasan setempat.

(END)